

# Pelan Antirasuah Organisasi 2.0 (OACP 2.0) 2026 - 2030





**Sarawak**  
Biodiversity Centre

**Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak**

KM20, Jalan Puncak Borneo, Semengoh,  
Beg Berkunci No. 3032, 93990 Kuching,  
Tel: +6 082 610610  
Fax: +6 082 611 535  
Email: [biosar@sbc.org.my](mailto:biosar@sbc.org.my)

Hak Cipta Terpelihara

***“Integrity is the fundamental basis for realising Sarawak vision of becoming a developed region by 2030 and is a strategic asset for good governance.”***

***The Right Honourable  
Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin  
Tun Datuk Abang Haji Openg  
Premier of Sarawak***

***“Integrity must be practised at all times in every duty and decision. True integrity is not found in “one-off pledges” but in the daily habits of an organisation’s culture.”***

***Datuk Dr. Juanda Jaya, Deputy Minister in the Sarawak Premier’s  
Department  
(Integrity and Ombudsman)***



*Aerial view of SBC's facilities at Semengoh*

## Pernyataan Visi

Kejayaan pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi SBC (OACP SBC) 2021 - 2025 merupakan pencapaian yang signifikan dalam memastikan setiap proses kerja dilaksanakan secara telus, berintegriti, dan bebas daripada rasuah.

Rentetan dari itu, OACP 2.0 SBC dibangunkan berasaskan pelan terdahulu dengan peralihan strategik daripada fokus kesedaran dan pencegahan kepada pencapaian berorientasikan hasil. Fasa baharu ini memberi penekanan kepada pemantauan dan penguatkuasaan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi meningkatkan tahap pematuhan, tadbir urus, serta prestasi operasi secara komprehensif. Selain itu, OACP 2.0 bukan sahaja memperkukuh inisiatif sedia ada, malah menjadi pemangkin kepada usaha mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko rasuah secara holistik sehingga tuntas. Inisiatif ini adalah antara tindakan yang berperanan meningkatkan keyakinan pelabur asing dan tempatan serta masyarakat umum terhadap SBC.

Usaha mengekalkan prestasi organisasi bebas rasuah memerlukan kesungguhan dan komitmen berterusan daripada semua pihak. Matlamat ini bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai. Dengan pelaksanaan OACP 2.0, kita akan memperkukuh integriti, mempertingkat kecekapan, dan memastikan setiap tindakan berpandukan prinsip akauntabiliti demi kesejahteraan organisasi dan negeri.



A handwritten signature in black ink, consisting of stylized cursive letters.

**YBhg Dato Sri Dr Muhammad Abdullah Haji Zaidel**

Pengerusi  
Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak

## Pernyataan Komitmen

Pelaksanaan OACP 2.0 merupakan kesinambungan kepada usaha berterusan dalam memerangi risiko rasuah di SBC. Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah yang telah dijalankan pada 17 Jun sehingga 18 Jun 2025 bertujuan untuk merangka strategi, mengenal pasti jenis risiko serta menentukan inisiatif dan aktiviti yang bersesuaian bagi memperkukuhkan pengurusan risiko rasuah.

Sebanyak empat (4) bidang keutamaan berisiko tinggi telah dikenal pasti iaitu Pengurusan Projek (Penyelidikan, Kolaborasi dan Pengkomersialan), Perolehan, Pengurusan Pentadbiran (Pentadbiran, Aset dan Stor) dan Tadbir Urus (Sumber Manusia dan Audit). Hasil daripada bengkel tersebut, enam (6) risiko telah dikenal pasti manakala lapan (8) inisiatif berserta aktiviti berimpak tinggi telah dirangka bagi memantapkan dan membendung gejala rasuah di SBC.

Pendekatan yang diterapkan dalam OACP 2.0 lebih berfokus. Ini bagi memastikan setiap inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan dapat dilihat dengan jelas hasilnya serta memberi impak menyeluruh tidak hanya di peringkat organisasi tetapi juga menjadi amalan di dalam kehidupan harian kita semua.



### **YBhg Dato Dr Yeo Tiong Chia**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak



# Kandungan

---

## **Bab 1**

Pengenalan

---

1

## **Bab 2**

Bidang-bidang Berisiko Berlakunya Rasuah di SBC

---

4

## **Bab 3**

Prinsip-prinsip Tadbir Urus

---

11

**Kesimpulan**

---

11

## Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah Organisasi 2.0 (OACP 2.0) merupakan kesinambungan daripada pelan terdahulu (OACP SBC) untuk terus memperkukuh menangani isu rasuah, integriti, dan ketelusan dalam semua urusan SBC.

OACP 2.0 ini dibahagikan kepada tiga (3) bab utama iaitu **Pengenalan, Bidang-bidang Berisiko Berlakunya Rasuah di SBC dan Prinsip-prinsip Tadbir Urus.**

**Bab 1:** Pengenalan kepada latar belakang SBC, visi, misi, slogan dan nilai bersama Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak.

**Bab 2:** Mengenal pasti empat (4) bidang berisiko rasuah iaitu Pengurusan Projek (Penyelidikan, Kolaborasi, dan Pengkomersialan), Perolehan, Pengurusan Pentadbiran (Pentadbiran, Aset dan Stor) dan Tadbir Urus (Sumber Manusia dan Audit).

**Bab 3:** Menekankan kepentingan tadbir urus yang baik berasaskan prinsip kesaksamaan, ketelusan dan akauntabiliti yang diamalkan oleh semua warga SBC.

OACP 2.0 bukan sekadar kesinambungan daripada pelan terdahulu, tetapi satu langkah maju untuk memperteguh usaha memerangi rasuah serta membudayakan integriti serta ketelusan demi membina organisasi berdaya saing, beretika dan dipercayai selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Sarawak untuk mewujudkan Perkhidmatan Awam yang bebas rasuah menjelang tahun 2030.

## Senarai Singkatan

Singkatan	Nama Penuh
CeLO	<i>Certified Integrity Officer</i> (Pegawai Integriti Bertauliah)
CPI	<i>Corruption Perception Index</i> (Indeks Persepsi Rasuah)
HRC	<i>Human Resource Champion</i> (Pemangkin Sumber Manusia)
JPTO	<i>Organisation's Top Management Committee</i> (Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Organisasi)
JTK	<i>Governance Committee</i> (Jawatankuasa Tatakelola)
OACP 2.0	<i>Organizational Anti Corruption Plan 2.0 Sarawak Biodiversity Centre</i> (Pelan Antirasuah Organisasi 2.0 Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak)
PCDS (2030)	<i>Post Covid-19 Development Strategy 2030</i> (Strategi Pembangunan Pasca Covid-19 2030)
SALCRA	<i>Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i> (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak)
SBC	<i>Sarawak Biodiversity Centre</i> (Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak)
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i> (Prosedur Operasi Standard)

## Bab 1: Pengenalan

SBC ditubuhkan dibawah *Sarawak Biodiversity Centre Ordinance*, 1997 dengan misi untuk memulihara dan memanfaatkan kekayaan biodiversiti Sarawak secara mampan. SBC bukan sekadar sebuah pusat penyelidikan, malah berperanan sebagai pemangkin inovasi yang mengintegrasikan pengetahuan tradisional dan sains moden demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negeri. Melalui aktiviti penyelidikan, pendokumentasian pengetahuan komuniti pribumi, pembangunan produk berasaskan sumber biologi serta pengkomersialan hasil kajian, SBC menjunjung tinggi nilai integriti, ketelusan dan akauntabiliti. Komitmen ini bukan sahaja bertujuan mencapai kecemerlangan organisasi, tetapi untuk masa depan Sarawak yang lestari dan berdaya saing.

### Visi:

*Enriching Lives with Breakthrough Innovations in Biodiversity*

### Misi:

*To Decode Biodiversity for the Benefit of Sarawak*

### Slogan:

*Biodiversity for a Better Tomorrow*

### Nilai-Nilai Bersama

1. Integriti
2. Semangat Berpasukan
3. Sikap Kesegeraan dan Semangat Sepunya
4. Berorientasikan Hasil
5. Profesionalisme
6. Baik Hati dan Prihatin

# Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022-2024:

Malaysia kekal di kedudukan ke-57 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bagi tahun 2023 dan 2024 denganskor lima puluh (50) mata. Peningkatan sebanyak tiga (3) skor dari tahun 2022 mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh integriti dan ketelusan tadbir urus negara. Seiring dengan aspirasi ini, OACP 2.0 turut memperkukuh usaha pencegahan rasuah melalui pendekatan berasaskan risiko, pemantauan berterusan dan penglibatan menyeluruh semua pihak berkepentingan.

## INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI) 2022-2024

- CPI mengukur persepsi tahap rasuah dalam sektor awam



### KEDUDUKAN MALAYSIA

Tangga	2022	Skor
	<b>61/180</b>	<b>47/100</b>
Tangga	2023	Skor
	<b>57/180</b>	<b>50/100</b>
Tangga	2024	Skor
	<b>57/180</b>	<b>50/100</b>

### NEGARA PALING BERSIH 2024

Denmark	→ 90/100
Finland	→ 88/100
Singapura	→ 84/100
New Zealand	→ 83/100
Luxembourg	→ 81/100

### KEDUDUKAN NEGARA ASEAN 2024

Negara	Kedudukan/180	Skor/180
Singapura	3	84
Malaysia	57	50
Timor Leste	73	44
Vietnam	88	40
Indonesia	99	37
Thailand	107	34
Filipina	114	33
Laos	114	33
Kamboja	158	21
Myanmar	168	16

### Cabaran & Fokus Masa Hadapan

#### Cabaran Semasa

Persepsi terhadap integriti sektor awam dan politik masih memerlukan penambahbaikan yang berterusan

#### Fokus Masa Hadapan

- Pengukuhan akauntabiliti dan ketelusan dalam sistem perolehan awam.
- Pendidikan dan kesedaran antirasuah di semua peringkat masyarakat.
- Penambahbaikan dasar integriti dalam sektor awam dan swasta.

Sumber: *Transparency International Corruption Perception Index (CPI) Reports 2022 - 2024*

Diterbitkan: *Transparency International Secretariat, Berlin*

## Pengurusan Rasuah dan Salah Laku


Bagi memastikan perkhidmatan awam di SBC berintegriti dan bebas rasuah, pihak pengurusan SBC sentiasa mengambil langkah proaktif dalam pencegahan isu rasuah dan salah laku. Pendekatan ini menekankan pemantauan, pencegahan dan tindakan susulan yang berkesan agar semua warga SBC mematuhi etika kerja serta nilai integriti.

Langkah utama yang telah dilaksanakan termasuk:

- Penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalam SBC** yang bertanggungjawab menyiasat dan mengesahkan aduan salah laku - mencerminkan komitmen terhadap ketelusan dan keadilan.
- Penubuhan Unit Integriti SBC** untuk mengurus isu integriti dalam organisasi.
- Pengurusan tatatertib** berpandukan *Statutory Bodies (Conduct & Discipline) Ordinance*, 2004, surat-surat pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, serta panduan Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak.

Bagi tempoh 2021 - 2025 tiada kes rasuah dilaporkan. Namun, beberapa kes salah laku dan ketidakpatuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) direkod, menunjukkan risiko terhadap integriti dan etika kerja seperti statistik di bawah:

### Statistik Salah Laku dan Ketidakpatuhan SOP 2023 - 2025



Sumber: Rekod Pemantauan Salah Laku dan Ketidakpatuhan, Unit Integriti SBC

Salah laku merujuk kepada sebarang tindakan atau tingkah laku seseorang pegawai yang menyalahi undang-undang, peraturan, polisi, atau etika kerja SBC, yang boleh menjejaskan keberkesanan operasi, reputasi organisasi, keselamatan, atau hak dan kesejahteraan rakan sekerja. Pada tahun 2023, satu (1) kes salah laku telah direkodkan, manakala dua (2) kes direkodkan pada tahun 2024. Bagi membendung isu ini, pihak pengurusan telah menjemput Pegawai Psikologi dari MEITD untuk memberi taklimat mengenai tatakelakuan sopan di pejabat. Selain itu, taklimat berkenaan tatakelakuan turut disampaikan kepada semua kakitangan semasa Mesyuarat Bersama Kakitangan. Sepanjang tahun 2025, tiada sebarang kes dilaporkan.

Ketidakpatuhan merujuk kepada sebarang tindakan atau tingkah laku pegawai yang tidak mematuhi undang-undang, peraturan, polisi, SOP atau arahan yang ditetapkan oleh SBC, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Pada tahun 2023, terdapat tiga (3) kes ketidakpatuhan direkodkan, manakala lima (5) kes direkodkan pada tahun 2024. Bagi tahun 2025, sebanyak enam belas (16) kes direkodkan, yang mencerminkan keperluan untuk memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan SOP bagi meningkatkan tahap pematuhan serta keberkesanan operasi. Langkah yang diambil oleh pihak pengurusan ialah mengeluarkan minit nasihat atau peringatan kepada kakitangan yang tidak mematuhi SOP, di samping melaksanakan penambahbaikan terhadap SOP.

## Bab 2: Bidang-bidang Berisiko Berlakunya Rasuah di SBC

OACP 2.0 adalah langkah maju untuk memperkukuh usaha memerangi rasuah dan membudayakan integriti dalam setiap urusan di SBC. Pelan ini dirangka dengan pendekatan yang menyeluruh, berasaskan risiko dan berfokuskan hasil, bagi tempoh 2026 - 2030 selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Sarawak.

Pelan ini telah dibangunkan melalui Bengkel OACP 2.0 pada 12 Ogos sehingga 13 Ogos 2025 bersama Pegawai Integriti Bertauliah yang dilantik oleh Unit Integriti Dan Ombudsman Sarawak, dihadiri oleh dua-puluh dua (22) pegawai daripada pelbagai bahagian dan unit.

Empat (4) bidang keutamaan berisiko yang telah dikenal pasti:

- (a) Pengurusan Projek (Penyelidikan, Kolaborasi dan Pengkomersialan).
- (b) Perolehan.
- (c) Pengurusan Pentadbiran (Pentadbiran, Aset dan Stor).
- (d) Tadbir Urus (Sumber Manusia dan Audit).

Daripada bidang keutamaan ini, SBC telah merangka empat (4) objektif strategik, enam (6) risiko dan lapan (8) inisiatif berpangkat tinggi yang disokong oleh pelan tindakan yang komprehensif. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan mengurangkan risiko, malah membentuk budaya kerja yang berintegriti dan berakauntabiliti.



## Bidang Keutamaan Berisiko



### **Pengurusan Projek (Penyelidikan, Kolaborasi dan Pengkomersialan)**

merupakan bidang berisiko kerana melibatkan dana penyelidikan, kerjasama dengan pihak luar dan pengkomersialan produk bernilai tinggi. Proses yang kompleks serta rundingan hak harta intelek boleh membuka ruang kepada konflik kepentingan atau salah guna kuasa. Oleh itu, pemantauan telus dan pematuhan SOP amat penting untuk mengurangkan risiko.



**Perolehan** merupakan bidang berisiko kerana melibatkan proses pembelian barangan dan perkhidmatan yang bernilai tinggi, termasuk pemilihan pembekal dan pengurusan kontrak. Risiko boleh timbul daripada ketelusan yang rendah, konflik kepentingan, atau manipulasi harga jika kawalan tidak diperkukuh. Oleh itu, pematuhan SOP, pemantauan telus dan pengasingan tugas amat penting untuk memastikan proses perolehan berjalan secara adil dan berintegriti.



### **Pengurusan Pentadbiran (Pentadbiran, Aset dan Stor)**

merupakan bidang berisiko kerana melibatkan pengurusan aset, stor dan dokumen penting. Kelemahan kawalan inventori atau ketidakpatuhan prosedur boleh menyebabkan kehilangan aset atau manipulasi rekod. Audit berkala dan penguatkuasaan SOP diperlukan untuk mengurangkan risiko.



### **Tadbir Urus (Sumber Manusia dan Audit)**

merupakan bidang berisiko kerana melibatkan pengurusan kakitangan, gaji dan tuntutan (perjalanan dan kerja lebih masa). Risiko boleh timbul daripada pilih kasih, penyalahgunaan kuasa atau manipulasi laporan audit.

# Gambaran Keseluruhan Kerangka Strategik OACP 2.0

**Visi**  
Organisasi berintegriti tinggi

**Misi**  
Membudayakan kerja yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah

**Matlamat**  
Meningkatkan ketelusan, integriti, kecekapan dan kebertanggungjawaban dalam kalangan warga SBC

Bidang Keutamaan	Pengurusan Projek (Penyelidikan, Kolaborasi dan Pengkomersialan)	Perolehan	Pengurusan Pentadbiran (Pentadbiran, Aset dan Stor)	Tadbir Urus (Sumber Manusia dan Audit)
<b>Strategi</b>	Mempertingkatkan ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban dalam penyelidikan, kolaborasi dan pengkomersialan melalui pendekatan bersepadu yang berfokus kepada inovasi, keberkesanan pelaksanaan strategik dan jaringan kerjasama strategik	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan perolehan	Memperkuhuk tadbir urus	Memantapkan tadbir urus organisasi melalui pengurusan sumber manusia dan audit dalaman yang berintegriti, telus dan mematuhi peraturan
<b>Objektif Strategik</b>	1.1 Melaksanakan penyelidikan, kolaborasi dan pengkomersialan secara bersepadu, cekap dan berimpak tinggi bagi menyokong pencapaian matlamat strategik organisasi	2.1 Memperkuhuk kecekapan dan keberkesanan pengurusan perolehan	3.1 Mempertingkatkan sistem pengurusan pentadbiran	4.1 Memperkuhuk keupayaan tadbir urus dalam aspek sumber manusia dan audit dalaman bagi memastikan keberkesanan operasi mematuhan sepenuhnya serta meningkatkan akauntabiliti dan kepercayaan pihak berkepentingan
<b>Inisiatif</b>	2	3	1	2

## Kerangka OACP 2.0

Setelah penilaian dibuat ke atas empat (4) bidang keutamaan, sebanyak lapan (8) inisiatif telah dikenal pasti bagi menyokong pelaksanaan strategi antirasuah organisasi. Inisiatif ini kemudiannya dikelompokkan mengikut tahap impak dan kompleksiti pelaksanaan melalui kaedah pemetaan kuadran.

Pendekatan ini membolehkan SBC:


- (a) Mengoptimumkan penggunaan sumber organisasi termasuk tenaga kerja, masa dan kewangan.
- (b) Memastikan tindakan yang diambil berasaskan keutamaan strategik dan nilai impak.
- (c) Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pelan antirasuah secara menyeluruh dan berterusan.

## Senarai Inisiatif dan Penjajaran Strategi

Bil	Inisiatif	Kuadran	Strategi
<b>Pengurusan Projek (Penyelidikan, Kolaborasi dan Pengkomersialan)</b>			
1	Memastikan pegawai mematuhi SOP sedia ada secara berterusan.	A	1
2	Melaksanakan latihan atau taklimat pengukuhan yang bersesuaian sekurang-kurangnya sekali setahun.	A	1
<b>Perolehan</b>			
3	Memantapkan SOP bagi perkongsian dan pengawalan maklumat sulit tender dan perolehan.	B	2
4	Menyebarkan luas atau memberi taklimat SOP serta maklumat terkini berkaitan perolehan kepada pegawai yang terlibat sekurang-kurangnya sekali setahun.	B	2
5	Memantapkan proses pelaksanaan perancangan perolehan.	B	2
<b>Pengurusan Pentadbiran (Pentadbiran, Aset dan Stor)</b>			
6	Memantapkan pelaksanaan SOP bagi penggunaan kemudahan di pejabat serta tatacara pengurusan aset dan stok di agensi.	B	3
<b>Tadbir Urus (Sumber Manusia dan Audit)</b>			
7	Memastikan juruaudit melaporkan penemuan audit dengan mewujudkan Jawatankuasa Audit serta SOP.	B	4
8	Mewujudkan SOP untuk pelapor salah laku ( <i>Whistleblower</i> ) bagi mengelakkan tekanan atau ancaman.	B	4


## Inisiatif Mengikut Kuadran

## Petunjuk Kuadran



KUADRAN A	Mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH
KUADRAN B	Mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI
KUADRAN C	Mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH
KUADRAN D	Mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI

## Rumusan Kuadran



Berdasarkan analisis pemetaan:

- Dua (2) inisiatif ditempatkan dalam **Kuadran A** (Pelaksanaan segera).
- Enam (6) inisiatif dalam **Kuadran B** (memerlukan perancangan teliti).
- Kuadran C** dan **Kuadran D** tiada inisiatif - menunjukkan fokus kepada usaha bernilai tambah.

## Bidang Keutamaan: Pengurusan Projek (Penyelidikan, Kolaborasi dan Pengkomersialan)

<b>Strategi: 1</b>	Mempertingkatkan ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban dalam penyelidikan, kolaborasi dan pengkomersialan melalui pendekatan bersepadu yang berfokus kepada inovasi, keberkesanan pelaksanaan strategik dan jaringan kerjasama strategik
<b>Objektif Strategik: 1.1</b>	Melaksanakan penyelidikan, kolaborasi dan pengkomersialan secara bersepadu, cekap dan berimpak tinggi bagi menyokong pencapaian matlamat strategik organisasi

Bil	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.1.1	Kegagalan pegawai untuk mematuhi SOP	Memastikan pegawai mematuhi SOP sedia ada secara berterusan Melaksanakan latihan dan pengukuhan yang bersesuaian sekurang-kurangnya setahun sekali	Penyelidikan dan Pembangunan	5 tahun

## Bidang Keutamaan: Perolehan

<b>Strategi: 2</b>	Memantapkan tadbir urus organisasi melalui pengurusan sumber manusia dan audit dalaman yang berintegriti, telus dan mematuhi peraturan
<b>Objektif Strategik: 2.1</b>	Memperkuh kecekapan dan keberkesanan pengurusan perolehan

Bil	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
2.1.1	Kebocoran maklumat sulit berkaitan tender dan proses perolehan	Memantapkan SOP bagi perkongsian dan pengawalan maklumat sulit tender dan perolehan	Perolehan dan Kewangan	1 tahun
		Menyebarkan luas atau memberi taklimat SOP serta maklumat terkini berkaitan perolehan kepada pegawai yang terlibat sekurang-kurangnya setahun sekali		5 tahun
	Kegagalan melaksanakan perancangan perolehan dan kewangan tahunan	Memantapkan proses pelaksanaan perancangan perolehan		

## Bidang Keutamaan : Pengurusan Pentadbiran (Pentadbiran, Aset dan Stor)

<b>Strategi: 3</b>	Memperkukuh tadbir urus
<b>Objektif Strategik: 3.1</b>	Mempertingkatkan sistem pengurusan pentadbiran

Bil	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
3.1.1	Penyalahgunaan kemudahan, aset dan stok agensi untuk kepentingan peribadi	Memantapkan pelaksanaan SOP bagi penggunaan kemudahan di pejabat serta tatacara pengurusan aset dan stok di agensi	Pentadbiran, Aset dan Stor	5 tahun

## Bidang Keutamaan : Tadbir Urus (Sumber Manusia dan Audit)

<b>Strategi: 4</b>	Memantapkan tadbir urus organisasi melalui pengurusan sumber manusia dan audit dalaman yang berintegriti, telus dan mematuhi peraturan
<b>Objektif Strategik: 4.1</b>	Memperkukuhkan keupayaan tadbir urus dalam aspek sumber manusia dan audit dalaman bagi memastikan keberkesanan operasi pematuhan sepenuhnya serta meningkatkan akauntabiliti dan kepercayaan pihak berkepentingan

Bil	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
4.1.1	Kegagalan juruaudit melaporkan penemuan audit kepada Jawatankuasa Audit dan Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak	Memastikan juruaudit melaporkan penemuan audit dengan mewujudkan Jawatankuasa Audit serta SOP	Unit Audit Dalaman	5 tahun
4.1.2	Kegagalan pegawai melapor kes rasuah / habuan	Mewujudkan SOP untuk pelapor salah laku ( <i>whistleblower</i> ) bagi mengelakkan tekanan atau ancaman	Unit Integriti, Sumber Manusia dan Unit Audit Dalaman	

## Bab 3: Prinsip-prinsip Tadbir Urus

Integriti ialah asas utama untuk tadbir urus yang baik. SBC berusaha memastikan setiap dasar dan amalan kerja berteraskan integriti, ketelusan dan akauntabiliti agar perkhidmatan lebih cekap dan kepercayaan awam terpelihara. Selaras dengan aspirasi kerajaan Negeri Sarawak (PCDS 2030), SBC komited memperkukuhkan budaya integriti melalui kawalan dalaman pematuhan dan pengurusan risiko rasuah.

### Prinsip Utama:

- (a) Kepimpinan berintegriti.
- (b) Penilaian risiko berterusan.
- (c) Pemantauan/penambahbaikan sistematik dan kawalan dalaman berkesan (termasuk SOP, saluran pelaporan selamat, latihan integriti, serta tindakan terhadap pelanggaran etika).

### Pelaksanaan OACP

SBC menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan OACP 2.0 pada 16 Jun 2025 bagi menyelaraskan pelan ini dengan Unit Integriti yang bertindak sebagai sekretariat utama.

### Mekanisme Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan

Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Pelaksanaan OACP 2.0 yang dipengerusikan oleh Pegawai Penyelidik, bersama dengan Unit Integriti menyelaraskan aktiviti, mengumpul laporan dan memastikan tindakan selaras dengan objektif pelan.

**Pemantauan** dilaksanakan setiap suku tahun melalui semakan kemajuan dan laporan bahagian/unit. Laporan kemajuan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian OACP 2.0 untuk menilai prestasi dan penambahbaikan.

**Penilaian** dilaksanakan secara tahunan oleh jawatankuasa berkenaan bersama Unit Integriti bagi menilai keberkesanan pelan dan impaknya terhadap budaya integriti serta pematuhan. Hasil penilaian digunakan untuk penambahbaikan strategi dan tindakan.

**Pelaporan** pelaksanaan OACP 2.0 dibentangkan kepada Jawatankuasa Tatakelola (JTK) SBC yang bermesyuarat tiga (3) kali setahun. Maklumbalas JTK SBC dibawa ke JTK Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat. Isu berkaitan pelaksanaan OACP 2.0 akan dikemukakan oleh Kementerian kepada JTK di peringkat negeri, jika perlu. Proses pelaporan ini memastikan pelaksanaan dilakukan secara telus, berakauntabiliti dan berterusan.

## Kesimpulan

OACP 2.0 menzahirkan komitmen berterusan untuk menjadikan SBC sebuah organisasi bebas rasuah, berintegriti dan telus. Kejayaan pelaksanaan bergantung pada penglibatan semua warga SBC, pemantauan berterusan dan tindakan segera terhadap maklum balas bagi menyokong aspirasi Kerajaan Negeri Sarawak untuk mewujudkan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang berintegriti menjelang 2030.

# Bengkel Penyediaan OACP 2.0

Tarikh: 12 - 13 Ogos 2025  
 Tempat: Lecture Theatre, SBC



# Penghargaan

## **Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION), Fasilitator**

Susan Steward Ngau Ding, CeO (SALCRA)  
Ho Wan Inn, CeO (Sarawak Forestry Corporation)  
Mohamad Adzman bin Abdullah, CeO  
(Lembaga Air Kuching)

## **Majlis Kepelbagaian Biologi Sarawak**

YBhg Dato Sri Dr Muhammad Abdullah Bin Haji Zaidel  
*Deputy State Secretary Sarawak (Economic Planning &  
Development)*  
*Chairman Sarawak Biodiversity Council*

YBhg Dato Haji Adana Bin Haji Jed  
*Permanent Secretary, Ministry of Education, Innovation and  
Talent Development*  
*Deputy Chairman, Sarawak Biodiversity Council*

Yang Arif Dato Sri Saferi Bin Ali  
*State Attorney General*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBhg Dato Sri Dr Wan Lizozman Bin Wan Omar  
*State Financial Secretary*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBhg Dato Haji Abdullah Bin Haji Julaihi  
*Permanent Secretary,  
Ministry of Natural Resources and Urban Development*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBhg Dato Lester Matthew  
*Director, Economic Planning Unit, Sarawak, Department of  
the Premier Sarawak*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBhg Dato Haji Hamden Bin Haji Mohammad  
*Director of Forests, Sarawak*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBrs Mr Dominic Anak Chunggat  
*Director, Department of Agriculture, Sarawak*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBhg Dato Jack Anak Liam  
*Controller of Environmental Quality, Sarawak*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBrs Dr Veronica Lughah  
*Director, Sarawak Health Department*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBrs Prof Emerita Dr Mary Jane Cardoso  
*Chief Technical Officer, Integrated Research Associates LLC*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBrs Mdm Anne Kung Soo Ching  
*Chief Executive Officer, Instacom Engineering Sdn. Bhd.*  
*Member, Sarawak Biodiversity Council*

YBhg Dato Dr Yeo Tiong Chia  
*Chief Executive Officer, Sarawak Biodiversity Centre (SBC)*  
*Secretary, Sarawak Biodiversity Council*

## **Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi SBC**

YBhg Dato Dr Yeo Tiong Chia, Ketua Pegawai Eksekutif  
Margarita Naming, Pegawai Penyelidik Kanan  
Asha Devi Kaushal, Pegawai Tadbir

## **Jawatankuasa Pembangunan OACP 2.0**

Dr Ann Anni Basik, Pegawai Penyelidik  
Dr Ng Lee Tze, Pegawai Penyelidik  
Dr Noreha Binti Mahidi, Pegawai Penyelidik  
Noor Pahtawi Binti Bohari, Pegawai Penyelidik  
Gilbert Lau Sei Kung, Pegawai Penyelidik  
Michele Mejin, Pegawai Penyelidik  
Holed Anak Juboi, Pegawai Penyelidik  
Nadia Foo, Akauntan  
Nurulizza Binti Murtadza@Murtada, Pegawai Tadbir  
Constance Vanessa Victor, Pegawai Tadbir  
Voon Boon Ting, Pegawai Tadbir/HRC  
Dr Mohd. Farith Bin Kota, Pegawai Penyelidik  
Norfa'ain Binti Sa'al, Pegawai Undang-Undang  
Shirlyne Anak Bewen, Pegawai Tadbir  
Afirulnazrin Bin Afandi, Pegawai Tadbir  
Trexia Kiana Anak Dampa, Pegawai Tadbir  
Sim Leong Lian, Penolong Juruaudit

## **Jawatankuasa Penyediaan OACP 2.0**

Dr Noreha Binti Mahidi, Pegawai Penyelidik  
Dr Ann Anni Basik, Pegawai Penyelidik  
Noor Pahtawi Binti Bohari, Pegawai Penyelidik  
Julian Voong Cheng Liang, Pegawai Penyelidik  
Nurulizza Binti Murtadza@Murtada, Pegawai Tadbir  
Nadia Foo, Akauntan  
Afirulnazrin Bin Afandi, Pegawai Tadbir  
Stofeles Swensen Anak Sijamat, Pegawai Tadbir  
Selwynn Anak Jaol Edward, Penolong Pegawai Tadbir  
Sim Leong Lian, Penolong Juruaudit

## **Urusetia**

Clare Heinzie Anak Juhin, Pegawai Tadbir/CeO  
Cassandra Etta Geoffrey, Pegawai Tadbir

*Semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyediakan dokumen OACP 2.0*





